

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Pertukaran Asing Hadapan-i ("FX-*i*") sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dikehendaki supaya meminta penjelasan dari Pengurus Perhubungan EXIM Bank (Bank) yang ditugaskan kepada anda berkenaan sebarang terma dan syarat yang mengatur produk tersebut. Sila pastikan bahawa anda telah memahami sepenuhnya tentang produk dan terma dan syarat bersesuaian dengan keperluan pembiayaan dan/atau perniagaan anda.)



Pertukaran Asing Hadapan-i



1. Apakah produk ini?

Pertukaran Asing Hadapan-i ("FX-*i*") ialah kemudahan Islam yang disediakan kepada pelanggan EXIM bank yang terdedah kepada risiko pertukaran asing dalam perniagaan mereka. Kemudahan ini akan dilampirkan bersama kemudahan pembiayaan seperti Pembiayaan Projek Luar Negara-*i*, Pembiayaan Pelaburan Luar Negara-*i*, Pembiayaan Kontrak (Luar Negara)-*i*, Pembiayaan Pembeli-*i*, Pembiayaan Import-*i*, Pembiayaan Pembekal-*i*, Pembiayaan Berjangka-*i* dan Resit Amanah-*i* atau kemudahan berkaitan. Secara dasarnya produk ini bertujuan untuk menyokong urus niaga pelanggan dalam mengatasi risiko pertukaran asing mereka.

2. Apakah kontrak/konsep Syariah yang diguna pakai?

Kontrak-kontrak Syariah yang diguna pakai dalam Pertukaran Asing ("FX-*i*") ialah kontrak *Wa'd* dan *Bai` Sarf*

- i. Nilai penyelesaian hari yang sama (TOD), esok (TOM) & dua hari bekerja (SPOT)
 - o *Bai`al-Sarf*
 - ii. Penyelesaian melebihi dua hari bekerja (SPOT)
 - o *Wa'd* (Janji Sepihak)
 - o *Bai`al-Sarf*
- ***Wa'd***
Wa'd adalah janji sebelah pihak yang merujuk kepada ekspresi komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melakukan tindakan tertentu di masa depan.
 - ***Bai` Sarf***
Bai` Sarf ialah kontrak tukaran matawang dengan matawang yang lain.

3. Apakah yang saya akan dapat dari produk ini ?

Had Pendedahan	10% daripada jumlah pembiayaan asal yang disertakan bersama kemudahan. Pelanggan boleh membuat transaksi sehingga sepuluh (10) kali had pendedahan.
Tempoh	Sehingga enam (6) bulan dan boleh dilanjutkan kepada tiga (3) bulan.
Matawang	USD, EURO dan matawang lain yang diterima.
Kadar Pertukaran Kontrak	Ditentukan oleh EXIM semasa penggunaan.

4. Apakah tanggungjawab-tanggungjawab saya?

Anda mesti mengotakan janji anda seperti dalam perjanjian *Wa'd* dan jual/beli mata wang kepada kami pada kadar yang telah dijanjikan.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Tiada.

6. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Kami akan menuntut terhadap anda sekiranya anda gagal memenuhi janji termasuk tetapi tidak terhad kepada kemungkiran silang terhadap kemudahan – kemudahan anda dengan kami.

7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?	
Tidak berkenaan.	
8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?	
Tidak berkenaan.	
9. Apakah risiko – risiko utama yang perlu saya tanggung?	
Sekiranya anda tidak memenuhi janji yang dibuat sebelum ini (seperti Perjanjian <i>Wa'd</i> dengan kami), kami akan menuntut terhadap anda termasuk tetapi tidak terhad kepada kemungkiran silang kemudahan kemudahan anda dengan kami.	
10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?	
<p>a) Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.</p> <p>b) Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman sesawang, di cawangan-cawangan atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.</p>	
11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?	
<p>Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:</p> <p>Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat Export-Import Bank of Malaysia Berhad Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia Tel: +603-26012000 Faks: +603-26012469 Laman Sesawang: www.exim.com.my</p>	<p>Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p>Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
12. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?	
<p>Maklumat tambahan mengenai produk Pertukaran Asing Hadapan-<i>i</i> boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: www.exim.com.my.</p> <p>EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia Tel: +603-26012000 Faks: +603-26012469</p>	
13. Apakah jenis produk perbendaharaan lain yang ditawarkan?	
Tiada.	
NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TERSEBUT DENGAN TETAP	

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 30 Julai 2021.